

[Home](#) / [2025](#) / [September](#) /

Program CBDRM Wanita Perkasa Komuniti Kampung Sayong Hulu Hadapi Risiko Bencana

SINERGI

24/09/2025 / SYAHMIMI AYUNI RAMLI



KUALA KANGSAR, 28 Ogos 2025 – Seramai 30 wanita dari Kampung Sayong Hulu, Mukim Sayong, Kuala Kangsar telah menyertai *Program Community-Based Disaster Risk Management (CBDRM) Wanita* yang berlangsung pada 20 Julai 2025. Program ini memberi penekanan kepada pemerdayaan komuniti wanita dengan pengetahuan dan kemahiran asas dalam menghadapi serta mengurangkan impak bencana alam seperti banjir, tanah runtuh dan ribut.

Program ini merupakan hasil kerjasama strategik antara MERCY Malaysia Perak State Chapter (MMPC), Think City di bawah Khazanah Nasional Berhad, dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak. Barisan penceramah terdiri daripada sukarelawan MMPC serta pensyarah UiTM Perak yang berkongsi kepakaran dalam bidang Pengurusan Risiko Bencana, Kesiapsiagaan Komuniti,

Pengurusan Bencana Berasaskan Komuniti, Tinjauan Kawasan dan Penyediaan Pelan Tindakan Bencana.

Menurut salah seorang peserta, program ini telah membuka ruang kepada wanita kampung untuk lebih yakin dan bersedia memainkan peranan penting ketika berdepan situasi kecemasan. “Melalui latihan ini, kami bukan sahaja memahami risiko bencana yang berpotensi melanda kawasan kami, tetapi juga lebih bersedia untuk bertindak pantas dan selamat sekiranya berlaku banjir atau kecemasan lain,” katanya.



Pelaksanaan program ini sejajar dengan pendekatan CBDRM yang menekankan penglibatan aktif komuniti dalam mengenal pasti risiko, merancang tindakan pencegahan serta melaksanakan tindak balas berdasarkan keperluan setempat. Fokus kepada golongan wanita sebagai pemimpin komuniti dalam pengurusan risiko bencana turut memperkukuh daya tahan sosial dan memperluas jaringan sokongan tempatan.

Susulan kejayaan penganjuran program ini, pihak penganjur berhasrat untuk memperluaskan pendekatan CBDRM ke kampung-kampung lain di sekitar Kuala Kangsar. Usaha ini bertujuan mewujudkan komuniti wanita yang lebih berdaya tahan, berpengetahuan dan mampu menjadi barisan hadapan dalam pengurusan risiko bencana, selaras dengan aspirasi negara ke arah pembangunan

komuniti yang inklusif dan selamat.



Tags: [Community-Based Disaster Risk Management \(CBDRM\)](#), [Kampung Sayong Hulu](#), [UiTM Cawangan Perak](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

☐ Program The Alpha Explorers 1.0
☐ Perkasa Pembelajaran Bahasa
Inggeris dan Nilai Murni Kanak-Kanak

UiTM dan Universitas Brawijaya
Meterai MoA Perkukuh Kerjasama ☐
Akademik Serantau

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA
(UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor
Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

